



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil
Taman
(Majlis Perbandaran Pengerang)
2021**


***Parks
(Pengerang Municipal Council)
By-Laws
2021***

Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / <i>By-Laws</i>
Nombor Sumber Kuasa	UUK 4
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 16 / 2021
Tarikh Warta	29 April 2021
Tarikh Berkuat Kuasa	29 April 2021



**UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENERANG**

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Djaru Utama, 81930 Bandar Penawar, JOHOR
07-886 2692 07-886 2656 legakunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 9

29hb April 2021

*TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN*

J. P.U. 16.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS PERBANDARAN PENERANG) 2021**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Taman awam dan kawasan lapang

**BAHAGIAN II
LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN**

4. Kesalahan-kesalahan
5. Kemasukan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ke dalam taman
6. Kemasukan anjing dan binatang
7. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang
8. Kenderaan bermotor melebihi dua tan dilarang
9. Meletak kenderaan sembarangan dilarang

BAHAGIAN III
PENGUATKUASAAN

10. Berkelakuan tidak sopan
11. Larangan masuk pada waktu-waktu tertentu
12. Penutupan taman
13. Kuasa menangkap
14. Kuasa menyita
15. Pendakwaan
16. Pengkompaunan kesalahan
17. Penalti

BAHAGIAN IV
PELBAGAI

18. Kuasa pegawai Polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

JADUAL

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Pengerang) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“kanak-kanak” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*];

“kendaraan bermotor” ertinya setiap jenis kendaraan yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan untuk membolehkannya digunakan di atas jalan dan termasuklah trailer;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“struktur” ertinya apa-apa bangunan, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa binaan lain daripada apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah mana-mana kawasan perumahan, taman bunga, kawasan lapang, kaki siar, tasik, lorong basikal, taman rekreasi atau hiburan atau padang permainan, bulatan lalu lintas, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, sungai, anak sungai, tebing sungai atau sebarang tanah lain yang diselenggara oleh Majlis;

“tempat awam” termasuklah tiap-tiap jalan raya awam, lebuh, jalan, jambatan, medan, lorong-lorong, jalan kaki, siar kaki, perarakan, dermaga, jeti, pengkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit, taliair, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana dikenakan pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang ramai bebas masuk termasuk tandas awam, pondok menunggu bas dan teksi, pondok telefon, perhentian bas dan perhentian teksi;

“tumbuh-tumbuhan” termasuklah pokok-pokok renik, pokok-pokok yang memanjat serta melilit, pokok-pokok menjalar, pokok-pokok pagar, resam, bunga-bunga atau rumput halaman; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

Taman awam dan kawasan lapang

3. Bagi tujuan Undang-Undang Kecil ini, tafsiran “taman” termasuklah taman awam dan kawasan lapang di bawah penyelenggaraan Majlis seperti dinyatakan dalam Jadual.

BAHAGIAN II

LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

Kesalahan-kesalahan

4. Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana taman yang—
 - (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalam taman itu;
 - (b) membawa bersama atau melekatkan sebarang bil, pelekat, notis, sepanduk, bendera atau iklan kepada atau di atas mana-mana dinding, pokok, pagar atau struktur;
 - (c) menggunakan mana-mana pelaung, pembesar suara, sistem yang digunakan untuk bercakap kepada orang ramai atau lampu tumpu;

-
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencatitkan mana-mana tempat duduk, peralatan tempat permainan kanak-kanak atau peralatan-peralatan lain;
 - (e) membuang atau meletakkan benda kotor, benda buangan atau sampah sarap;
 - (f) memanjat mana-mana dinding, pagar, struktur atau pokok;
 - (g) menunggang atau menolak basikal, basikal beroda tiga atau memandu kenderaan bermotor di atas mana-mana kawasan berumput atau lorong pejalan kaki;
 - (h) berjalan di atas batas-batas bunga atau rumpun-rumpun pokok renek;
 - (i) memotong, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana tumbuh-tumbuhan, benih atau pokok-pokok;
 - (j) mengalih mana-mana tanah berumput atau menggali mana-mana tanah;
 - (k) membaling atau melempar mana-mana batu atau pelempar lain;
 - (l) mandi di dalam mana-mana kolam, tasik atau anak sungai melainkan di tempat mandi yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;
 - (m) menggunakan sampan atau kenderaan air yang lain atau memancing atau mengadakan sebarang jenis sukan air di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa-apa cara pun akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;
 - (n) menyalakan api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa kebenaran yang sah mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
 - (o) menerbangkan layang-layang atau bermain bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
 - (p) berumur melebihi 12 tahun, menggunakan peralatan permainan taman kanak-kanak;
 - (q) membasuh atau mengeringkan apa-apa benda atau memukul hamparan atau tikar;

- (r) mendirikan struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua;
- (s) mempamerkan, mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat tertentu dan di upacara tertentu yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (t) berkhotbah atau bersyarah di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi tujuan mengadakan atau mengambil bahagian dalam mana-mana perjumpaan agama, politik atau mana-mana perjumpaan lain atau membuat mana-mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (u) menggunakan bahasa yang lucu atau sumbang atau berkelakuan lucu atau sumbang;
- (v) menghalang mana-mana pegawai atau pekerja Majlis dalam menjalankan dan melaksanakan tugasnya;
- (w) melibatkan diri dalam menjaga atau membasuh kenderaan bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (x) membawa, memegang, memiliki apa-apa jenis minuman keras, arak atau yang memabukkan;
- (y) meminum apa-apa jenis minuman keras, arak atau minuman yang memabukkan;
- (z) melakukan apa-apa juga kesalahan di bawah mana-mana Akta yang sedang berkuat kuasa di Malaysia termasuk mana-mana Undang-undang Kecil, Perintah, Kaedah atau Peraturan yang diperbuat di bawahnya; dan
- (aa) di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah, menyebabkan tidak berdaya mengawal diri dan boleh menyebabkan kecederaan, kemalangan atau kematian kepada mana-mana orang yang berada di kawasan tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan.

Kemasukan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ke dalam taman

5. Tiada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dibenarkan masuk atau/ dan berada di dalam sesuatu taman melainkan dengan pengawasan ibu bapa, penjaga, orang dewasa atau lain-lain.

Kemasukan anjing atau binatang

6. (1) Tiada sesiapa boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di bawah jagaannya untuk memasuki atau tinggal di dalam mana-mana taman kecuali anjing atau binatang lain yang dirantai atau dikawal dengan sesuai olehnya.

(2) Jika sesuatu notis telah dilekatkan oleh Yang Dipertua melarang anjing dari memasuki mana-mana taman, tiada sesiapa boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang

7. (1) Tiada sesiapa boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki apa-apa perkakas bagi memerangkap binatang atau burung.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis atau pegawai Polis boleh merampas alat atau perkakas seperti itu daripada mana-mana orang yang dijumpai di dalam taman.

(3) Yang Dipertua boleh mengarahkan pelupusan alat atau perkakas yang dirampas itu dengan kaedah sebagaimana difikirkan patut dan munasabah.

Kenderaan bermotor melebihi dua tan dilarang

8. (1) Kenderaan bermotor selain kepunyaan Kerajaan atau badan-badan berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan metrik tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor yang melanggar peruntukan perenggan (1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua.

(3) Tiap-tiap kenderaan bermotor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan tersebut.

Meletak kenderaan sembarangan dilarang

9. (1) Tiada kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali pada tempat yang disediakan oleh Yang Dipertua bagi meletak kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga itu.

(2) Jika sebuah kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana tempat di dalam taman selain tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor dan pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kenderaan bermotor itu tidak diketahui atau tidak dapat dipastikan, tuan punya berdaftar kenderaan bermotor itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai melanggar perenggan (1).

BAHAGIAN III PENGUATKUASAAN

Berkelakuan tidak sopan

10. Mana-mana orang yang didapati berkelakuan tidak senonoh atau berperangai tidak sopan atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintahkan keluar dari mana-mana taman oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

Larangan masuk pada waktu-waktu tertentu

11. Tiada seorang pun boleh berada di tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruangan (2) Jadual antara jam 1.00 pagi hingga 6.00 pagi kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Penutupan taman

12. Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Kuasa menangkap

13. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai Polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Kuasa menyita

14. (1) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, maka benda atau barang itu boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minimum tujuh hari bekerja atau maksimum satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa itu tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pendakwaan

15. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

16. (1) Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum pendakwaan baginya dimulakan dan di mana amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak berbayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam masa lanjutan seperti yang dinyatakan oleh Majlis boleh membenarkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Di mana suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1)–

- (a) tiada pendakwaan boleh kemudiannya dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian terhadap orang yang tawaran mengkompaun telah dibuat; dan
- (b) apa-apa buku, rekod, perkakas, pelengkapan, instrumen, material, artikel atau apa-apa benda yang telah disita berhubung dengan kesalahan tersebut, boleh dirampas, dihapuskan atau dikembalikan kepada orang itu, sepertimana yang Majlis menganggap patut selepas membuat pertimbangan mengenai sifat kesalahan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang boleh dinyatakan.

Penalti

17. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan.

BAHAGIAN IV PELBAGAI

Kuasa pegawai Polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

18. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai Polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan.

JADUAL		
Bil.	Lokasi	Kegunaan
1. LOT 16720	Taman Permainan Jalan Beringin, Taman Desaru Utama	Taman Permainan/ Gelanggang Serbaguna/ Wakaf
2. P.T.B. 12037	Taman Permainan Jalan Surian, Taman Desaru Utama	Taman Permainan/Wakaf
3. LOT 17786	Taman Permainan Marinea I, Taman Desaru Utama	Taman Permainan/Wakaf
4. LOT 17787	Taman Permainan Marinea 2, Taman Desaru Utama	Taman Permainan/Wakaf
5. LOT 16740	Taman Permainan Jalan Semarak, Taman Desaru Utama	Taman Permainan/Wakaf
6. RIZAB AWAM	Taman Permainan Kg. Nelayan Tg. Balau	Taman Permainan/Wakaf
7. RIZAB KAWASAN LAPANG	Taman Permainan Jalan Dato' Jaafar 6, Taman Mutiara Desaru	Taman Permainan/ Gelanggang Serbaguna/ Wakaf
8. P.T.B. 1918	Taman Permainan Jalan Dato' Jaafar 23, Taman Mutiara Desaru	Taman Permainan/Wakaf
9. P.T.B. 1103	Taman Permainan Jalan Selamat, Bandar Penawar	Gelanggang Serbaguna
10. RIZAB KAWASAN LAPANG	Taman Permainan Jalan Bahagia, Bandar Penawar	Taman Permainan
11. P.T.B. 12912	Taman Bandar, Bandar Penawar	Wakaf
12. LOT 11132	Taman Permainan Pusat Bandar	Taman Permainan/Wakaf
13. P.T.B. 8256	Taman Tasik Bandar Penawar	Taman Permainan
14. P.T.B. 12918	Taman Tasik Fasa 2, Bandar Penawar	Taman Permainan/ Gelanggang Serbaguna/ Wakaf
15. RIZAB TAMAN RIADAH	Taman Arca Bandar Penawar	Wakaf
16. RIZAB REKREASI	Taman Komuniti Bandar Mas	Taman Permainan/Wakaf
17. RIZAB REKREASI	Taman Permainan Jalan Intan 7, Bandar Mas	Taman Permainan/Wakaf

Bil.	Lokasi	Kegunaan
18. RIZAB BALAI RAYA	Gelanggang Futsal Jalan Intan, Bandar Mas	Gelanggang Serbaguna
19. LOT 10852	Taman Permainan Jalan Geliga, Bandar Mas	Taman Permainan
20. RIZAB REKREASI	Taman Permainan Telok Sengat	Taman Permainan/Wakaf
21. LOT 10046	Taman Permainan Kg. Nelayan Pasir Gogok	Taman Permainan/Wakaf
22. SEBAHAGIAN LOT 71021	Lot Permainan Jalan Bunga Melor, Pasir Gogok	Taman Permainan
23. P.T.D. 298	Taman Permainan Dataran Sungai Rengit	Taman Permainan/Wakaf
24. P.T.D. 7116	Taman Permainan Jalan Kg. Jawa 5, Bayu Damai	Taman Permainan/Wakaf
25. P.T.D. 7121	Taman Permainan Jalan Langkah Baik, Bayu Damai	Taman Permainan/Wakaf
26. P.T.D. 7100	Taman Permainan Jalan Sungai Kapal 9	Taman Permainan/Wakaf
27. P.T.B. 13288	Taman Permainan Perumahan Escadia	Taman Permainan/Wakaf
28. LOT 121807	Taman Permainan Jalan Kenanga 3, Taman Sri Penawar	Taman Permainan/Wakaf
29. P.T.D. 9164	Taman Permainan Perumahan KPRJ, Bayu Darnai	Taman Permainan/Wakaf
30. LOT 18314 & LOT 18301	Tamain Permainan Perumahan Arcadia	Taman Permainan/Wakaf

Bertarikh 20 September 2020

[Bil. (57) dlm. MPP: MPP/PUU/05/20]

[SUKJ.KT. 24/69 JLD. 13 (11); PPUUNJ. 600-1/2/51(2)]

FIZWAN BIN DATO' HAJI MOHD. RASHIDI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Disahkan: 10 Februari 2021

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 168/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor